

15 FEB 2003

Mustapa-Nik Aziz

KESEDIAAN NIK AZIZ BERTANDING BUKTI PAS TIADA PEMIMPIN PELAPIS

KOTA BAHARU, 15 Feb (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata kesediaan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bertanding pada pilihan raya sehingga akhir hayat beliau menunjukkan Pas ketandusan pemimpin pelapis.

Beliau berkata Nik Aziz menjadi Menteri Besar Kelantan sejak 1990 tetapi sehingga kini tidak nampak wujudnya perancangan atau nama calon yang bakal mengambil alih tempatnya.

"Ini berlainan dengan Umno di mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menamakan penggantinya iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan cawangan-cawangan Umno Bahagian Peringat di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Nik Aziz semalam bahawa beliau akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas dipetik berkata: "Insyallah (akan terus bertanding) ...kalau boleh sampai mati".

Mustapa berkata rakyat Kelantan perlu bijak memilih kerajaan pada pilihan raya umum akan datang kerana dalam tempoh kira-kira 13 tahun PAS memerintah Kelantan apa yang berlaku pemimpin mereka hanya pandai menabur janji tetapi gagal menunaikannya.

"Janji-janji kosong mereka (Pas) termasuklah dalam manifesto pilihan raya iaitu untuk membela rakyat miskin, membawa perubahan di Kelantan, hendak menubuhkan jawatankuasa hisbah dan mahu lebih telus dalam pentadbiran...semuanya tidak dilaksanakan dan retorik semata-mata," katanya.

Oleh itu rakyat perlu bijak membuat penilaian apakah sumbangan kerajaan PAS selama ini kepada mereka dan negeri kerana Kelantan banyak bergantung kepada bantuan kerajaan pusat.

Beliau percaya rakyat termasuk ramai di kalangan anggota PAS menyedari ketidakupayaan pemimpin parti pembangkang itu tetapi oleh kerana tebalnya sifat taksub kepada pemimpin, mereka sanggup menjadi "pak turut".

Ditanya Pas akan meletakkan ramai ulama sebagai calon pilihan raya umum kelak, Mustapa berkata PAS menggunakan ulama semata-mata untuk memancing undi bagi memenangi pilihan raya.

Beliau berkata rakyat tidak patut keliru kerana bukan semua pemimpin Pas terdiri daripada ulama.

"Kita amat dukacita kerana perkataan ulama ini disalahgunakan oleh PAS walaupun mereka mencarut, melakukan kemungkaran, bagi orang Pas mereka dianggap orang yang tidak pernah membuat salah," katanya.

--BERNAMA

BD ZB PR